

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Hikmat terbesar daripada penurunan al-Qur'an al-Karim dengan tujuh huruf (bacaan) adalah untuk memberi kemudahan kepada umat Islam membaca al-Qur'an al-Karim. Faktor perbezaan (khila:f) yang paling menonjol ialah perbezaan dialek (lahjat). Namun, antara syarat penting kepada qira:'a:t yang betul ialah apabila bertepatan dengan kaedah-kaedah bahasa Arab.

Contohnya, sesiapa yang membaca dengan idgha:m mungkin sukar menerima cara bacaan yang lain. Bukanlah mudah orang lain menyebut perkataan dalam dialek yang lain secara tepat. Hukum-hukum seperti tarqi:q (menipiskan), tafkhi:m (menebalkan), hamzaṭ, ima:laṭ, tashi:l (memudahkan) dan lain-lain ialah perkara yang hanya boleh difahami dan dipraktikkan dengan betul dan tepat oleh mereka yang ahli memahaminya sahaja.

Manna:' al-Qaīla:n (1991), menyatakan bahawa perbezaan antara satu dialek dengan dialek yang lain biasanya hanyalah perbezaan dari segi fonetik. Qira:'a:t al-Qur'a:n sebenarnya ibarat cermin kepada kenyataan yang wujud dalam masyarakat Arab iaitu kepelbagaian dialek dan adat resam.

1.1 Latar Belakang Kajian

Al-Qur'an al-Karim diturunkan oleh Allah (s.w.t) dengan tujuh huruf, iaitu tujuh jenis qira:'a:t atau cara bacaan. Kesemua cara bacaan yang dinamakan qira:'at itu meraikan atau mengambilkira kemampuan orang yang membaca al-Qur'an al-Karim, terutamanya kabilah-kabilah Arab. ('Abduh al-Ra:ji'iy, 2008)

Ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim adalah mukjizat yang mencabar kehebatan orang-orang Arab pada masa itu. Walaubagaimanapun, ianya pasti mengambilkira kemampuan orang yang membaca al-Qur'an al-Karim itu menyebut huruf-huruf dan perkataan-perkataan al-Qur'an al-Karim dengan cara yang betul dan tepat. Seterusnya akan difahami dan dihayati oleh mereka.

Ahmad al-Bi:liyy (1988), menyatakan bahawa perbezaan antara qira:'a:t al-Qur'a:n dari segi fonetik adalah kerana faktor-faktor berikut ;

- i) Perbezaan dari segi penukaran (ibda:l), pembalikan (qalb) dan pemasukan (idgha:m).
- ii) Perbezaan dari segi ima:laṭ.
- iii) Perbezaan dari segi mendahulukan sebutan atau melewatkannya.

Menurut Ismail Tekan (1995), dari sinilah timbulnya perbezaan sebahagian hukum-hukum tajwid di antara tujuh qira:'a:t tersebut. Setiap

qira:'a:t mempunyai cara membaca yang mengandungi sebahagian kaedah-kaedah tajwid yang berbeza hukumnya dengan qira:'a:t yang lain, termasuklah ima:laṭ dan tashi:l.

Sebagai buktinya, riwayat ×afī menentukan hanya satu perkataan sahaja yang dibaca dengan hukum ima:laṭ, iaitu pada kalimah مجريها dalam surah Hu:d, ayat : 41. Sedangkan dalam riwayat Warsh, ianya seolah-olah menjadi salah satu ciri yang membawa kelainan daripada qira:'a:t yang lain seperti Hafī. Ia berkaitan secara langsung dengan perbezaan sebutan, iaitu aspek fonetik.

Menurut Emran Hj. Bakar (1995 : 22) ilmu qira:'a:t mengkaji tentang al-Qur'an al-Karim termasuklah bidang bahasa, khususnya fonetik. Namun, kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia hanya membaca mengikut qira:'a:t Imam 'A:īm dengan riwayat ×afī sahaja. Ini kerana riwayat ini sahajalah yang banyak dipelajari oleh para ulama kita dan dibawa ke Malaysia.

Berdasarkan asas tersebut, kajian ini menumpukan kepada perbincangan mengenai perkembangan ilmu qira:'a:t, sejarah dan riwayat hidup Imam Warsh – imam dan perawinya. Seterusnya, akan dikaji dan dianalisis punca-punca perbezaan sebutan yang menentukan kriteria sesuatu perkataan itu dibaca dengan hukum ima:laṭ dan tashi:l dalam riwayat Imam Warsh sebagai fokus kajian.

1.2 Pernyataan Masalah

Bidang qira:'a:t al-Qur'a:n sudah lama dibincangkan oleh ulama terdahulu, namun ianya tidak banyak diberi perhatian yang sewajarnya oleh pengkaji sekarang. Sehinggalah dalam penulisan-penulisan berkaitan bidang tajwid al-Qur'an juga hanya segelintir sahaja yang menyentuh mengenai qira:'a:t al-Qur'a:n. Masyarakat di negara kita sebenarnya membaca al-Qur'an menurut qira:'a:t 'A:Îim - riwayat ×afÎ sahaja (mengikut satu daripada tujuh jenis qira:'a:t yang masyhur).

Oleh yang demikian, mereka tidak mendapat pendedahan yang sepatutnya mengenai qira:'a:t lain termasuk juga riwayat ×afÎ sendiri. Terlalu kurang bahan rujukan mengenai ilmu qira:'a:t dalam bahasa Melayu. Apatah lagi topik khusus berkaitan ima:lat dan tashi:l. Kebanyakannya hanya menyentuh secara umum sahaja kecuali di institusi tertentu yang fokus kepada bidang hafalan al-Qur'an dan qira:'a:t.

Rentetan daripada keadaan ini, maka masyarakat tidak banyak mengetahui tentang kepelbagaian qira:'a:t dan riwayat al-Qur'an al-Karim. Sebahagian yang mempelajarinya juga tidak mahir kerana kurang pendedahan. Kekurangan guru atau tenaga pengajar qira:'a:t ini akan melambatkan proses mendidik masyarakat ke arah menguasai kepelbagaian qira:'a:t al-Qur'a:n. Seterusnya mencapai kesempurnaan dalam bacaan al-Qur'an al-Karim.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dijelaskan, kajian ini menggariskan objektif-objektif seperti berikut :

- i) Memperkenalkan perkaitan antara qira:'a:t al-Qur'a:n dengan bidang kajian fonetik bahasa Arab.
- ii) Menjelaskan ciri-ciri umum riwayat Warsh yang masih kurang dikenali di Malaysia.
- iii) Menganalisis fenomena ima:laṭ dalam riwayat Warsh.
- iv) Menganalisis fenomena tashi:l dalam riwayat Warsh.

1.4 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan tentunya mempunyai kepentingan yang tersendiri. Kajian yang dijalankan terhadap fenomena ima:laṭ dan tashi:l dalam riwayat Warsh ini menyumbang kepada pengayaan koleksi penulisan ilmiah tentang ilmu qira:'a:t al-Qur'a:n. Masyarakat didedahkan dengan beberapa ciri yang ada pada riwayat Warsh secara khusus.

Dapatan kajian ini menyediakan bahan yang berbentuk ilmiah dalam bahasa Melayu kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi. Kajian ini akan menjadi rujukan para ahli akademik yang

membuat kajian pada masa depan. Seterusnya menambahkan khazanah ilmiah dalam pengkajian disiplin-disiplin ilmu berhubung al-Qur'an al-Karim.

Kajian ini juga memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya para pelajar tentang beberapa hukum bacaan yang akan memantapkan lagi pembelajaran, khususnya apabila mereka memahami perubahan sebenar yang berlaku terhadap sesuatu topik berkaitan seperti *ima:laṭ* dan *tashi:l*. Mereka akan mendapat maklumat yang bermanfaat dan pendedahan mengenai ilmu *qira:'a:t al-Qur'a:n* dan sejarah ilmu *qira:'a:t* serta tajwid al-Qur'an berdasarkan riwayat Warsh di samping riwayat *×afĪ* yang sedia dimaklumi.

1.5 Bidang Kajian

Kajian ini menumpukan kepada perbincangan ilmu fonetik bahasa Arab dalam konteks hubungannya dengan ilmu *qira:'a:t al-Qur'a:n*. Di samping memperkenalkan ilmu *qira:'a:t* dan riwayat Warsh secara umum. Ia juga membincangkan peranan dan faktor dialek bangsa Arab yang menjadi tunjang kepada perbahasan ilmu *qira:'a:t al-Qur'a:n*. Bahkan, kepelbagaian dialek inilah yang memberi keluasan dan kelapangan kepada umat Islam untuk membaca al-Qur'an al-Karim mengikut kemampuan dan keupayaan mereka.

1.6 Batasan Kajian

Sebagai sebuah kajian fonetik, maka kajian ini hanya menumpukan kepada topik berkaitan sebutan sahaja. Malah, hanya topik ima:laṭ dan tashi:l yang cuba dibincang bagi mengenalpasti kaedah dan kriteria yang telah diletakkan oleh imam Warsh.

Kajian ini hanya tertumpu kepada kriteria penentuan hukum ima:laṭ dan tashi:l berdasarkan riwayat Warsh daripada qira:'a:t Na:fi'. Ianya adalah salah satu hukum bacaan dalam ilmu tajwid al-Qur'a:n yang berasaskan sebutan. Kajian ini mengambil faktor kriteria penentuannya dalam riwayat Warsh sebagai landasan kajian.

1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Perbincangan mengenai sebutan atau bacaan ima:laṭ dan tashi:l secara khusus di dalam al-Qur'an al-Karim masih belum banyak diterokai di negara kita. Sebagai contoh, cuma ada beberapa buah disertasi peringkat sarjana di Universiti Malaya yang menyentuh topik ini.

Kajian yang pertama ialah disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya bertajuk : “ Struktur Bunyi

bahasa al-Qur'a:n dan Kaedah Tilawahnya Mengikut Riwayat Hafas, Qalun, Warash dan Duri ” oleh Makhtar Haji Musa, 1995.

Ia membincangkan mengenai penurunan al-Qur'an al-Karim dengan tujuh huruf dan ciri-ciri perbezaannya, kewajipan membaca al-Qur'an al-Karim dengan tajwid dan beberapa hukum tajwid dalam qira:'a:t berkenaan. Namun, pengkaji tidak menyentuh mengenai hukum ima:laṭ dan tashi:l secara khusus.

Kajian kedua juga untuk Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang bertajuk : “ Al-Qira:'a:t al-Qur'a:niyyat Sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab ” oleh Emran bin Haji Bakar, 1995.

Ia hampir sama perbincangan dengan sebelumnya cuma ia menambah perbezaan dialek Arab dari sudut sebutan, pendapat ulama mengenainya, hikmah dan faedah-faedah ilmu qira:'a:t dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan dialek Arab. Ia juga tidak menyentuh hukum tajwid dalam qira:'a:t tertentu, apatah lagi tentang hukum ima:laṭ dan tashi:l.

Kajian ketiga ialah untuk Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya bertajuk : “ Analisis Kesilapan Sebutan bahasa al-Qur'a:n di kalangan Pelajar Sekolah Menengah ” oleh Mohd Nasir bin Mohamed Hasbullah, 2001. Beliau juga cuma menyentuh

mengenai hukum ima:laṭ dalam fasal yang menyenaraikan istilah tanda bacaan al-Qur'an al-Karim rasm 'Uthmani:

Manakala kajian yang keempat ialah disertasi Sarjana Pengajian Usuluddin di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang bertajuk : "Bacaan al-Qur'a:n Menurut Qira:'a:t Na:fi' : Kajian di Maahad Tahfiz al-Qur'a:n, Pulau Chondong, Kelantan." Kajian ini dihasilkan oleh Ab. Rahman al-Qari bin 'Abdullah, 2003.

Kajian ini juga hanya membincangkan mengenai ciri-ciri riwayat Warsh tetapi tidak menfokuskan secara terperinci hukum ima:laṭ dan tashi:l dari segi perbincangan fonetik. Namun, kajian ini merumuskan beberapa masalah yang dihadapi pelajar yang mempelajari riwayat Warsh ini seperti kesukaran membaca dengan tepat hukum ima:laṭ dan tashi:l kerana kurang pendedahan.

Oleh itu, topik tentang ima:laṭ dan tashi:l ini amat perlu dikaji sebagai kesinambungan kepada kajian-kajian yang lalu dan menambahkan khazanah ilmiah dalam bidang pengkajian fonetik al-Qur'a:n secara spesifik. Seterusnya memperkenalkan ciri-ciri hukum bacaan terperinci mengikut riwayat-riwayat qira:'a:t al-Qur'a:n yang masyhur seperti riwayat Warsh ini.

1.8 Metodologi Kajian

Berdasarkan tajuk yang dipilih jelas bahawa kajian ini tertumpu kepada kajian perpustakaan. Penulis berusaha mendapatkan sebanyak mungkin data dan maklumat daripada kitab-kitab Arab yang muktabar dalam bidang ilmu qira:'a:t dan fonetik bahasa Arab. Di samping kajian-kajian yang telah dijalankan dalam bidang berkaitan.

Data juga didapati daripada rujukan-rujukan kepada al-Qur'an al-Karim serta terjemahannya, al-hadith dan terjemahannya serta sumber-sumber lain yang berkaitan dan dapat membantu kajian seperti kamus-kamus istilah serta laman-laman web. Data-data dan maklumat yang kebanyakannya dalam bahasa Arab diterjemahkan ke bahasa Melayu. Kemudian dicerakinkan untuk dibincangkan dalam kajian ini.

Segala data mengenai topik ini dikumpulkan, kemudian dibandingkan kerana ada di antara data-data tersebut yang berbeza sumbernya dan menyebabkan berlaku penambahan atau pengurangan, terutamanya kenyataan-kenyataan yang merujuk kepada biodata imam-imam ilmu qira:'a:t dan perawi. Juga kriteria dan kaedah penentuan hukum-hukum bacaan yang banyak perselisihan pendapat antara ulama. Maklumat tersebut dianalisis dan diolah kemudian disusun dalam bab-bab khusus agar menepati tajuk yang dipilih. Penulis juga merujuk kepada pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan agar memantapkan lagi kajian ini.

1.8 Rangka Kajian

Bagi memantapkan kajian ini penulis membahagikannya kepada enam bab seperti berikut :

1. Bab Satu : Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian. Bab ini juga menjelaskan bidang kajian ini dijalankan serta batasannya, tinjauan kajian berkaitan serta metodologi yang digunakan oleh penulis dalam melaksanakan kajiannya dan akhirnya rangka kajian.

2. Bab Dua : Pengenalan Ilmu Qira:'a:t dan Fonetik

Bab ini memperkenalkan ilmu Qira:'a:t dan ilmu fonetik yang mempunyai perkaitan yang amat rapat. Dibincangkan definisi dari segi bahasa dan istilah, sejarah dan perkembangan kedua-dua ilmu, dalil penurunan serta dalil hukum mempelajarinya. Dikaitkan juga ilmu qira:'a:t dan ilmu fonetik serta aspek-aspek yang menjadi topik perbincangan ulama kedua-dua disiplin ilmu ini.

3. Bab Tiga : Pengenalan Imam Warsh

Bab ini menjelaskan sejarah hidup Imam Warsh : Nama dan keturunannya, asal-usul Imam Warsh serta kelahiran dan kematiannya. Bab ini juga mengupas mengenai keilmuan dan kemasyhurannya. Bab ini juga menghuraikan tentang keperibadian dan gelaran-gelaran yang diberikan kepadanya. Begitu juga dijelaskan mengenai guru-guru dan murid-muridnya serta kawasan tersebarnya riwayat Warsh secara meluas.

4. Bab Empat : Hukum Ima:laṭ dalam Riwayat Warsh

Bab ini menerangkan mengenai hukum bacaan ima:laṭ serta definisinya dari segi bahasa dan istilah. Kajian juga dijalankan terhadap faktor-faktor ima:laṭ dari perspektif ahli bahasa Arab dan ahli qira:’a:t al-Qur’a:n. Seterusnya dianalisis jenis-jenis ima:laṭ mengikut kriteria yang ditetapkan mengikut pendapat ahli linguistik Arab serta disepakati oleh ulama riwayat Warsh.

5. Bab Lima : Hukum Tashi:l Dalam Riwayat Warsh

Bab ini menerangkan mengenai hukum bacaan tashi:l serta definisinya dari segi bahasa dan istilah. Kajian juga

dijalankan terhadap faktor-faktor tashih dari perspektif ahli bahasa Arab dan ahli qira'at al-Qur'an. Seterusnya dianalisis jenis-jenis tashih mengikut kriteria yang ditetapkan mengikut pendapat ahli linguistik Arab serta disepakati oleh ulama riwayat Warsh.

6. Bab Enam : Rumusan dan Cadangan

Bab terakhir ini menggariskan dapatan-dapatan daripada kajian ini yang didapati hasil kajian dan rujukan terhadap buku-buku rujukan yang berkaitan. Dalam bab ini juga dibawakan kesimpulan-kesimpulan yang dapat dirumuskan setelah dibuat analisis dan kajian serta penerangan mengenai kedua-dua topik utama yang dikaji. Seterusnya dicadangkan beberapa cadangan untuk diambil perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, berautoriti dan berwibawa untuk diketengahkan hasil kajian ini dan dimanfaatkan bersama.

1.9 Kesimpulan

Kajian ini adalah sebuah kajian perpustakaan yang menumpukan kepada dua hukum bacaan yang amat penting dalam riwayat Warsh yang sememangnya terkenal. Kajian ini menganalisis kedua-dua hukum ini secara mendalam agar difahami oleh masyarakat. Hasil kajian sebegini amat kurang didapati di pasaran terutamanya dalam bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini amat diperlukan bagi memberi kefahaman tentang ilmu qira:'a:t al-Qur'a:n dan fonetik bahasa Arab. Kajian-kajian sebelum ini belum menyentuh secara langsung tentang ima:laṭ dan tash:il dalam riwayat Warsh dalam kajian mereka. Maka, amat tepatlah kajian ini dilaksanakan.